TATAKELAKUAN DAVITA

“**ANDA HARUS MENJADI PERUBAHAN** yang anda inginkan di dunia.”

—MAHATMA GANDHI

DaVita®

bringing quality to life™

Misi Kami

Untuk menjadi penyedia perkhidmatan, rakan kongsi dan majikan pilihan

Pengenalan

Syarikat penyedia perkhidmatan penjagaan buah pinggang global, DaVita HealthCare Partners, Inc.'s® (DaVita) sangat berbangga kerana penjagaan kesihatan yang baik kepada pesakit kami telah membawa perubahan dalam kehidupan mereka. Kami komited untuk menyediakan penjagaan kesihatan yang berkualiti. Kami juga komited untuk menjalankan perniagaan kami berdasarkan polisi dan prosedur kami, yang tertakluk kepada undang-undang dan peraturan yang ditetapkan. Visi kami ialah untuk membina Komuniti Terbaik bagi Penjagaan Kesihatan di Dunia , hanya boleh dicapai apabila setiap seorang daripada kita berpegang teguh kepada komitmen ini.

Tatakelakuan kami sangat penting kepada Misi dan Nilai Teras kami serta merupakan sebahagian daripada Program Pematuhan DaVita. Tatakelakuan ini membantu kami dalam membuat keputusan dan pilihan yang betul dalam urusan pekerjaan seharian kami. Tatakelakuan ini menjadi sumber rujukan penting bagi semua perniagaan penjagaan buah pinggang DaVita dan semua teammates.

Pematuhan penuh kepada Tatakelakuan DaVita adalah penting. Saya meminta agar setiap daripada kamu menjadikan ini satu komitmen peribadi untuk membaca, memahami dan mematuhi Tatakelakuan ini. Jika kamu tidak memahami Tatakelakuan ini atau kamu tidak pasti bagaimana untuk mengaplikasikannya, kamu boleh menghubungi penyelia atau ahli Jabatan Pematuhan (Team Quest) kami. Tidak ada sebarang tindakan dikenakan kerana bertanya soalan, melahirkan kecurigaan atau melaporkan sebarang kemungkinan salah laku jika ia dilakukan dengan niat baik.

Terima kasih atas sokongan berterusan kamu terhadap Misi dan Nilai Teras DaVita serta komitmen kami untuk membuat keputusan yang betul. Bersama-sama, kami akan terus berusaha mengukuhkan kedudukan DaVita sebagai peneraju dalam penjagaan pesakit dan tanggungjawab sosial.

Satu untuk semua dan semua untuk satu!

Kent J. Thiry

Pengerusi Bersama dan CEO

Datuk Bandar DaVitaVillage

"Begin with the end in mind." ~Stephen Covey
Caring for Each Other
The Ties that Bind
Caring for Our Patients
WALL of FAME
DPC
Doctor Pepper
WALL of FAME
BRIDGE of LIFE
No Brag Just Fact
All for One!
One for All!
One for All
Old Time Rock and Roll
Takin' Care of Business
Village Service Days
Caring for the World
DiPAC
"A community produces most what it honors most."
Village Health
Community Foundation
Bridge of Life
THE KAT WALK
Village Paradise Award

Tujuan Tatakelakuan

Menjadi rujukan untuk Village ini, sebagai panduan semua teammates untuk membuat keputusan yang betul dalam aktiviti harian mereka

Untuk siapa Tatakelakuan ini

Semua orang! Tatakelakuan ini adalah panduan untuk semua teammates , termasuk ahli Lembaga Pengarah, eksekutif, rakan kongsi perniagaan, pakar perubatan, pembekal-pembekal kami dan semua pihak ketiga yang menjalankan perniagaan bagi pihak syarikat penyedia perkhidmatan penjagaan buah pinggang DaVita. Syarikat penyedia perkhidmatan penjagaan buah pinggang global DaVita termasuk DaVita HealthCare Partners, Inc. dan semua perniagaannya, kecuali HealthCare Holding, LLC., yang mempunyai Tatakelakuan berasingan. Setiap daripada kita mesti membaca, memahami dan mematuhi Tatakelakuan ini.

Tanggungjawab Kita

Pematuhan adalah tanggungjawab semua orang:

- DaVita komited untuk mematuhi sepenuhnya syarat-syarat program penjagaan kesihatan persekutuan.
- Baca, fahami dan patuhi Tatakelakuan dan Program Pematuhan.
- Dapatkan nasihat sekiranya merasa ragu-ragu.
- Elakkan tindakan yang menyalahi undang-undang, tidak beretika atau tidak wajar.
- Laporkan sebarang salah laku yang kamu syak terhadap polisi dan prosedur DaVita, undang-undang atau peraturan yang berkaitan dengan perniagaan DaVita atau Tatakelakuan ini.
- Beri kerjasama kepada teammates yang diberi kuasa untuk menjalankan inkuiri pematuhan, audit, siasatan dan aktiviti lain
- Bertanggungjawab atas tindakan kamu.
- Segera maklumkan kepada Team Quest jika kamu di sanksi atau dihalang daripada mengambil bahagian dalam sebarang program yang dibiayai kerajaan.

DaVita akan mengambil tindakan wajar, yang dibenarkan oleh undang-undang, terhadap mana-mana teammate yang gagal untuk bertindak menurut Polisi dan Prosedur DaVita, undang-undang dan peraturan yang berkaitan atau Tatakelakuan ini.

Cara Menggunakan Tatakelakuan Ini

Tatakelakuan DaVita membantu teammates membuat pilihan yang betul.

Setiap daripada kita bertanggungjawab untuk bertindak dalam cara yang melambangkan Nilai Teras kita. Tatakelakuan ini bertujuan membantu kita menjalankan perniagaan dengan cara yang sah dan beretika,selari dengan Nilai Teras kita serta membantu kita memahami struktur pematuhan, polisi dan prosedur utama DaVita serta undang-undang dan peraturan yang berkaitan. Piawaian yang ditetapkan dalam Tatakelakuan ini boleh diguna pakai di semua negara di mana kita menjalankan perniagaan.

Kita terikat kepada undang-undang dan peraturan negara tempat kita bekerja. Di samping itu, disebabkan syarikat induk kita, DaVita HealthCare Partners, Inc., adalah sebuah syarikat A.S., undang-undang A.S. boleh digunakan untuk perkara yang berlaku di luar Amerika Syarikat. Sebagai contoh, undang-undang anti rasuah dan anti sogokan. Jika kamu tidak pasti tentang polisi dan prosedur atau undang-undang dan peraturan khusus terhadap aktiviti kamu, sila rujuk kepada penyelia kamu, Team Quest (Pematuhan), Jabatan undang-undang (Liga Kehakiman DaVita atau JLD). Kami juga memastikan semua rakan kongsi perniagaan, pakar perubatan, pembekal-pembekal dan pihak ketiga lain menggunakan piawaian yang sama dan meminta mereka mematuhi polisi dan prosedur DaVita, semua undang-undang dan peraturan yang berkaitan serta Tatakelakuan ini.

Klik kanta pembesar untuk ke Soalan Lazim yang berkaitan. Soalan Lazim mempunyai contoh bagaimana hendak menggunakan Tatakelakuan ini dalam aktiviti seharian kita. Nota: Soalan Lazim ada pada halaman 31 dokumen ini.

Polisi dan Prosedur untuk Syarikat A.S.

Perhatikan ikon ini di seluruh Tatakelakuan untuk mencari polisi dan prosedur serta sumber lain yang menerangkan operasi DaVita secara lebih terperinci dan memberikan panduan khusus pada topik berkenaan.

Teammates A.S.

Klik DaVita Dancing Star untuk menyemak Polisi dan Prosedur Pematuhan yang berkaitan, yang memberikan panduan yang lebih terperinci tentang hal berkaitan Pematuhan khusus.

Klik logo Perkhidmatan Penduduk untuk menyemak Polisi Teammate, yang memberikan panduan yang lebih terperinci tentang hal berkaitan Perkhidmatan Penduduk yang khusus.

Pakar Perubatan: Klik ikon Pakar Perubatan untuk menyemak polisi dan prosedur Pematuhan yang berkenaan.

Pembekal-pembekal: Klik pada ikon Pembekal untuk menyemak polisi dan prosedur Pematuhan yang berkenaan.

Nota: Ikon-ikon ini hanya mungkin didapati melalui rangkaian DaVita atau mungkin memerlukan bukti kelayakan log masuk. Jika kamu tidak dapat mengakses polisi dan prosedur ini, hubungi penyelia atau rakan perniagaan DaVita, Team Quest, Bahagian Sumber Manusia atau JLD untuk mendapatkan salinan polisi dan prosedur.

Polisi dan Prosedur untuk Syarikat-syarikat di luar A.S.

Hubungi penyelia atau rakan perniagaan DaVita, Team Quest, Bahagian Sumber Manusia atau JLD untuk salinan polisi dan prosedur yang merujuk kepada lokasi dan aktiviti perniagaan khusus kamu.

Tatakelakuan DaVita diatur dalam sembilan kategori.

I. PROGRAM PEMATUHAN KITA 10

1. Pegawai Pasukan dan Pematuhannya
2. Polisi dan Prosedur dan Tatakelakuan
3. Latihan Pematuhan
4. Hotline Pematuhan: Buat Panggilan yang Betul!
5. Tanggungjawab untuk Melaporkan
6. Tiada Ancaman Balas
7. Penyiasatan Dalaman
8. Memberi respons kepada Penyiasatan Luaran

II. PERKHIDMATAN KEPADA PARA PESAKIT KITA 14

1. Penjagaan Berkualiti Pesakit
2. Penyedia Penjagaan Berkelayakan
3. Maklumat Sulit Pesakit

III. HUBUNGAN DENGAN PIHAK LAIN 16

1. Hubungan Perniagaan
2. Hubungan Pakar Perubatan
3. Hubungan Pesakit
4. Ihsan Perniagaan

IV. ELAKKAN KONFLIK KEPENTINGAN 18

1. Penggajian Luar
2. Peluang Perniagaan
3. Teman dan Keluarga

V. SALING MENGHORMATI 20

1. Peluang Penggajian yang Sama Rata
2. Penggajian yang Sah
3. Dadah dan alkohol
4. Gangguan
5. Kesihatan dan Keselamatan

VI. AMALAN PERNIAGAAN 23

1. Kod, Bil dan Akaun Pesakit yang Betul
2. Penyimpanan Dokumen
3. Rekod Kewangan yang Tepat

VII. MELINDUNGI ASET DAVITA 24

1. Perlindungan dan Penggunaan yang Betul Aset Village
2. Perdagangan Orang Dalam
3. Komunikasi Luaran
4. Laman Media Sosial

VIII. PATUHI UNDANG-UNDANG 26

1. Undang-undang Antitrust
2. Undang-undang Anti Rasuah dan Anti Sogokan
3. Undang-undang Anti Sogokan
4. Amalan Pemasaran dan Pengiklanan

IX. KOMUNITI KAMI 28

1. Tindakan Politik
2. Charitable Contributions

X. SUMBANGAN KEBAJIKAN 29

XI. SOALAN LAZIM 31

XII. SUMBER 38

"Jangan meragui kebolehan satu kumpulan kecil rakyat yang bertimbang rasa dan komited untuk **MENGUBAH DUNIA**; sesungguhnya itulah satu-satunya perkara yang telah menjadi"

—MARGARET MEAD

Program Pematuhan Kita

Matlamat Program Pematuhan adalah selari dengan komitmen kami untuk memastikan Misi dan Nilai Teras syarikat diterapkan dalam setiap perkara yang dilakukan kami setiap hari.

1. PEGAWAI PEMATUHAN DAN PASUKANNYA

DaVita mempunyai pasukan yang berdedikasi, iaitu Team Quest, untuk memantau aktiviti dan inisiatif Pematuhan. Teammates Team Quest mentadbir Program Pematuhan secara harian dan senantiasa bersedia untuk menjawab sebarang soalan atau kemusykilan berkenaan dengan Pematuhan. Ketua Pegawai Pematuhan [Chief Compliance Officer (CCO)] memantau secara keseluruhan Program Pematuhan dan melaporkan secara terus kepada Jawatankuasa Pematuhan Lembaga Pengarah dan Ketua Pegawai Eksekutif (CEO).

Program Pematuhan ini membantu kita **MENGAMBIL TINDAKAN YANG BETUL** dalam situasi yang kompleks. Minta nasihat Team Quest sekiranya tidak pasti.

2. POLISI DAN PROSEDUR DAN TATAKELAKUAN

Tidak ada seorang pun yang dituntut untuk mengetahui semua perkara, dan itulah sebab utama mengapa Team Quest mewujudkan polisi dan prosedur Pematuhan dan Tatakelakuan. Polisi dan prosedur Pematuhan menyediakan panduan untuk setiap topik yang khusus dan aktiviti perniagaan, sementara Tatakelakuan pula merupakan panduan secara menyeluruh untuk operasi global. Kita dituntut membaca, memahami dan mematuhi setiap polisi dan prosedur DaVita dan Tatakelakuan ini. Sekiranya kamu kurang pasti bagaimana sesetengah polisi dan prosedur itu berkait dengan aktiviti kamu, sila dapatkan nasihat daripada penyelia kamu atau pasukan Team Quest..

3. LATIHAN PEMATUHAN

Melatih teammates kita adalah sebahagian penting daripada Program Pematuhan ini. Semua teammates dikehendaki menjalani latihan pematuhan semasa mula bekerja di DaVita dan juga setahun sekali. Latihan ini merupakan asas Program Pematuhan kita dan memberi panduan bagi setiap aktiviti harian kita.

4. HOTLINE PEMATUHAN: BUAT PANGGILAN YANG BETUL!

- Amerika Syarikat: Dail 1-888-458-5848 atau layari DaVitaCompliancehotline.com
- Luar Amerika Syarikat: Layari http://www.davita.com/compliancehotline untuk mendapatkan nombor telefon atau laman web bagi negara kamu

Kita mempunyai Hotline Pematuhan yang didedikasikan kepada teammates dan individu lain bagi melaporkan sebarang kecurigaan atau percanggahan polisi dan prosedur Pematuhan DaVita, atau undang-undang dan peraturan, secara rahsia,dan sekiranya dibenarkan undang-undang, tanpa nama mereka diketahui. Hotline Pematuhan ini beroperasi 24 jam sehari, 365 hari setahun melalui nombor telefon bebas tol atau laman sesawang atas talian. Pematuhan Hotline ini diuruskan oleh sebuah syarikat pihak ketiga yang dilantik oleh kami. Pemanggil akan diberi nombor PIN (Nombor Indentifikasi Perbadi) untuk menyemak status laporan mereka atau memberi maklumat tambahan. Semua laporan kepada Hotline Pematuhan hendaklah dilakukan dengan niat baik.

Undang-undang kerahsiaan tempatan mungkin akan menjejaskan terma penggunaan dan penyediaan Hotline Pematuhan. Sebagai contoh, di sesetengah negara, Hotline Pematuhan hanya boleh digunakan untuk melaporkan topik-topik terhad, seperti aduan kewangan (contoh anti-rasuah atau persaingan, perihal pengauditan atau perakaunan, penyelewengan, penyamaran wang (money laundering), pemalsuan kontrak atau rekod dan sebagainya), atau hal serius lain yang melibatkan pengurusan kanan. Rujuk kepada Panduan Hotline negara kamu atau dapatkan nasihat daripada penyelia atau Ketua Pematuhan Serantau kamu untuk maklumat lanjut mengenai penggunaan setempat Hotline Pematuhan.

5. TANGGUNGJAWAB UNTUK MELAPORKAN

Adalah menjadi tanggungjawab kamu untuk mengekalkan tahap akauntabiliti dan amanah dengan memberi maklumat kepada penyelia, pengurusan kanan, Team Quest, JLD atau Hotline Pematuhan tentang kecurigaan atau pelanggaran terang-terangan polisi dan prosedur DaVita, undang-undang dan peraturan yang diguna pakai atau Tatakelakuan ini. Kita tidak boleh mengecualikan diri kita daripada menerima akibat salah laku kita sendiri dengan melaporkan sesuatu isu, namun disebabkan laporan tersebut dibuat oleh kita sendiri, ia mungkin diambil kira semasa menentukan tindakan pembetulan yang sewajarnya.

Jika kamu gagal melaporkan pelanggaran polisi dan prosedur DaVita, undang-undang atau peraturan yang berkenaan atau Tatakelakuan ini, kamu boleh dikenakan tindakan pemulihan, sehingga dan termasuk penamatan penggajian, ketahap yang dibenarkan undang-undang. Mendiamkan diri tentang pelanggaran polisi dan prosedur DaVita, undang-undang atau peraturan yang berkenaan, atau Tatakelakuan ini meletakkan kamu dan DaVita dalam bahaya.

6. TIADA ANCAMAN BALAS

Kita semua digalakkan supaya membangkitkan isu atau kemusykilan dengan niat baik dan boleh berbuat demikian tanpa rasa takut akan tindakan ancaman balas. DaVita membuat segala usaha untuk mengekalkan maklumat sulit dan merahsiakan identiti mana-mana individu yang melaporkan kemusykilan atau kemungkinan salah laku. Teammates yang melakukan ancaman balas atau menggalakkan orang lain untuk berbuat demikian akan dikenakan tindakan pemulihan, sehingga dan termasuk penamatan penggajian, sehingga tahap yang dibenarkan undang-undang. DaVita tidak bertolak-ansur dengan sebarang bentuk ancaman balas terhadap sesiapa yang membuat laporan dengan niat baik.

Jika kamu rasa kamu menjadi mangsa ancaman balas, segera laporkan kebimbangan kamu kepada penyelia yang tidak terlibat dalam isu tersebut, pengurusan kanan, Perkhidmatan Penduduk, Team Quest, JLD atau hubungi Hotline Pematuhan. Semua tuduhan ancaman balas akan disiasat dan langkah yang bersesuaian akan diambil untuk melindungi mereka yang melaporkan ancaman balas.

7. PENYIASATAN DALAMAN

Kami menyiasat kebimbangan yang dilaporkan dengan segera dan secara sulit ke tahap yang paling menyeluruh. Semua penyiasatan dan audit dalaman dilakukan secara adil dan tanpa kesimpulan yang telah ditentukan terdahulu. Kita semua mesti bekerjasama dengan pengauditan, penyiasatan dan sebarang rancangan tindakan pemulihan, yang mungkin termasuk bahagian untuk pemantauan dan penilaian berterusan.

DaVita melarang ancaman balas terhadap mana-mana teammate yang meminta bantuan atau membuat laporan dengan niat yang baik. Sesiapa yang melakukan ancaman balas terhadap teammate akan dikenakan tindakan pemulihan yang sewajarnya, sehingga dan termasuk penamatan penggajian, sehingga ke tahap yang dibenarkan undang-undang.

8. MEMBERI RESPONS KEPADA PENYIASATAN LUARAN

Kita komited untuk memberi respons yang sewajarnya kepada, dan tidak masuk campur dalam, mana-mana siasatan, pengauditan atau cerakinan sah kerajaan. Kita akan berterus-terang dalam urusan dengan pegawai kerajaan atau kakitangan yang bertanggungjawab untuk mentadbirkan dan menguatkuasakan undang-undang.

Perkhidmatan kepada Para Pesakit Kita

Pesakit kita menghargai DaVita kerana kita memberikan penjagaan berkualiti dan kita sentiasa berusaha untuk mencapai piawaian yang lebih tinggi. Ingati prinsip yang berikut untuk membantu kita mengekalkan piawai yang tinggi.

1. PENJAGAAN BERKUALITI PESAKIT

Kami membuat perbezaan dalam kehidupan setiap pesakit dengan memberikan penjagaan yang berkualiti. Kami melayani setiap pesakit dengan mesra, rasa hormat dan mulia, memberikan penjagaan yang perlu dan sewajarnya dari segi perubatan. Kami melibatkan pesakit dalam perancangan rawatan dan keputusan yang mempengaruhi penjagaan mereka di mana bersesuaian.

Kami tidak membezakan pesakit menurut bangsa, etnik, agama, jantina, orientasi seksual, negara asal, umur, kecacatan, status veteran ataupun status kelas terlindung apabila menerima kemasukan, pemindahan, kebenaran keluar atau penjagaan pesakit yang menyalahi undang-undang. Setiap daripada kita mesti mematuhi polisi dan prosedur DaVita, undang-undang dan peraturan berkenaan penjagaan pesakit dan Tatakelakuan ini.

2. PENYEDIA PENJAGAAN YANG BERKELAYAKAN

Teammates kita dilatih dengan sewajarnya untuk memberikan penjagaan yang berkualiti. Hanya teammates terlatih dengan bukti kelayakan profesional yang sesuai akan dibenarkan untuk memberi perkhidmatan penjagaan pesakit. Kita berpandukan piawai yang telah ditetapkan oleh polisi dan prosedur DaVita, undang-undang dan peraturan berkaitan penjagaan pesakit serta Tatakelakuan ini.

Sebelum diberi kebenaran untuk memasukkanatau merawat pesakit di kemudahan DaVita, kakitangan perubatan DaVita, termasuk pakar perubatan dan profesional kesihatan yang lain, telah ditauliahkan dengan sewajarnya seperti disyaratkan undang-undang dan peraturan tempatan. Kakitangan perubatan yang bekerja di kemudahan kita perlu mematuhi polisi dan prosedur DaVita, undang-undang dan peraturan yang berkenaan serta Tatakelakuan ini.

Kita menjaga pesakit Kita seperti Kita menjaga orang tersayang: **DENGAN KEPAKARAN, BELAS KASIHAN DAN RASA HORMAT**.

3. MAKLUMAT SULIT PESAKIT

Kita menghormati dan melindungi maklumat sulit yang diperoleh daripada pesakit kita. Kita mengambil langkah proaktif untuk melindungi dokumen, komputer dan peranti data lain kami yang mengandungi maklumat pesakit. Kita komited terhadap prinsip-prinsip privasi dan keselamatan berikut:

- Kita memberikan notis kepada para pesakit berkenaan amalan privasi dan keselamatan kami selaras kepada undang-undang dan peraturan yang berkenaan.
- Maklumat pesakit, termasuk maklumat kesihatan peribadi, dilindungi langkah-langkah keselamatan teknikal dan organisasi yang munasabah dan bersesuaian, termasuk, di mana perlu dan jikadibenarkan undang-undang, penyulitan maklumat pesakit.
- Kita hanya menggunakan dan mendedahkan maklumat pesakit seperti diperlukan atau dibenarkan undang-undang dan peraturan yang berkenaan.
- Pembekal yang memproses maklumat pesakit bagi pihak kita hanya boleh memproses maklumat pesakit mengikut arahan kita dan seperti yang dibenarkan oleh dasar privasi dan keselamatan kita serta semua undang-undang dan peraturan yang berkenaan.
- Teammates dan pembekal tidak dibenarkan mengakses, menggunakan atau mendedahkan maklumat pesakit yang tidak diperlukan dalam melaksanakan fungsi tugasan perseorangan mereka atau melebihi jumlah minimum maklumat yang diperlukan untuk memenuhi tugasDaVita mereka.
- Teammates dan pembekal yang menggunakan maklumat pesakit DaVita untuk melaksanakan perkhidmatan bagi pihak DaVita mestilah segera memaklumkan kepada JLD apa-apa penggunaan atau pendedahan maklumat pesakit tanpa kebenaran.
- Teammates, pesakit atau pelawat tidak akan menggunakan sebarang peranti fotografi atau pengimejan (contohnya kamera digital, peranti seperti telefon mudah alih atau komputer tangan, dan sebagainya) untuk mengambil gambar premis, teammates, pelawat atau pesakit tanpa kebenaran yang sewajarnya.
- DaVita akan mendapatkan persetujuan pesakit dan teammates menurut undang-undang dan peraturan yang berkenaan sebelum menggunakan gambar, testimoni atau maklumat lain pesakit atau teammates untuk tujuan pemasaran atau tujuan lain.

Setakat undang-undang atau peraturan yang berkenaan yang diperlukan untuk melindungi maklumat pesakit, DaVita mematuhi kesemua syarat yang berkaitan.

Hubungan dengan Pihak Lain

Kita berusaha untuk membina perhubungan yang adil, terbuka dan beretika dengan sesiapa sahaja yang berurusan dengan kami.

1. HUBUNGAN PERNIAGAAN

Kita sentiasa melayan rakan kongsi perniagaan kita, pembekal dan pihak ketiga dengan integriti. Perniagaan dijalankan dengan adil, konsisten dengan polisi dan prosedur DaVita, undang-undang dan peraturan yang berkenaan serta Tatakelakuan ini.

Kita memilih rakan kongsi perniagaan, pembekal dan pihak ketiga berdasarkan kriteria objektif yang merangkumi kualiti, harga dan perkhidmatan. Kita membuat keputusan perkongsian berdasarkan keupayaan pembekal memenuhi keperluan kita. Berdasarkan undang-undang tempatan dan aktiviti perniagaan yang dicadangkan, DaVita boleh menapis atau melakukan usaha wajar yang bersesuaian terhadap rakan kongsi perniagaan, pembekal atau pihak ketiga, termasuk menentukan jika mereka disanksi oleh mana-mana entiti kerajaan atau tidak dibenarkan menyertai program kerajaan.

2. HUBUNGAN PAKAR PERUBATAN

Kita hanya bekerjasama dan berurus niaga dengan pakar perubatan yang mematuhi polisi dan prosedur DaVita, undang-undang dan peraturan yang berkenaan serta Tatakelakuan ini. Kegagalan memenuhi syarat-syarat ini boleh membawa akibat buruk terhadap teammates, rakan kongsi pakar perubatan kami dan DaVita.

Kontrak perniagaan antara kami dan pakar perubatan menggariskankeperluan undang-undang yang berkenaan pengaturan tersebut dan di mana bersesuaian, menetapkan jangkaan tentang pematuhan polisi DaVita, undang-undang dan peraturan yang berkenaan serta Tatakelakuan ini. Dua prinsip menyeluruh yang mengawal interaksi kami dengan pakar perubatan ialah:

- Kita tidak akan membuat bayaran untuk sebarang rujukan pesakit. Kami menerima rujukan dan kemasukan pesakit berdasarkan keperluan perubatan pesakit dan keupayaan kami untuk memberikan perkhidmatan yang diperlukan. Kami tidak, secara langsung atau tidak langsung, memberi atau menawarkan apa-apa yang bernilai sebagai pertukaran untuk rujukan pesakit yang bercanggahan dengan undang-undang.
- Kita tidak akan menerima bayaran untuk rujukan atau kebenaran untuk menerima pesakit. Tidak ada teammates atau sesiapa yang bertindak bagi pihak DaVita dibenarkan, secara langsung atau tidak langsung, meminta atau menerima sesuatu yang bernilai sebagai pertukaran untuk rujukan pesakit atau kebenaran untuk menerima pesakit yang bercanggahan dengan undang-undang.

3. HUBUNGAN PESAKIT

Kita faham bahawa hubungan rapat mungkin terjalin antara pesakit dan penyedia penjagaan kesihatan mereka. Bagaimanapun, kita mesti mengelak daripada mengendalikan urus niaga perniagaan dengan pesakit yang mungkin mengakibatkan konflik kepentingan yang mungkin atau sebenar. Kita tidak mahu pesakit kita berfikir yang mereka akan menerima penjagaan yang lebih baik ataupun lebih buruk jika mereka menjalinkan perhubungan peribadi di luar atau mempunyai urusan perniagaan dengan penyedia penjagaan kesihatan mereka. Kita berusaha untuk menjalinkan perhubungan yang terbuka dan objektif dengan pesakit kami.

4. IHSAN PERNIAGAAN

Kami faham bahawa mereka yang bekerja bersama sering bertukar ihsan perniagaan– seperti berbelanja makan bersama, memberi hadiah atau berhibur bersama – sebagai tanda penghargaan dan kebaikan hati. Disebabkan kebimbangan kawal selia, kami hanya akan meraikan ihsan perniagaan dengan rakan kongsi perniagaan kami dalam keadaan yang terhad. Kita tidak pernah menggunakan hadiah atau insentif lain secara tidak wajar untuk mempengaruhi hubungan atau keputusan perniagaan. Semua ihsan perniagaan, sama ada ditawarkan, diberikan atau diterima, mestilah berpatutan, sekali-sekala dan bersifat sederhana. Kita tidak pernah menawarkan, memberi, memulakan atau menerima sebarang bentuk rasuah, sogokan atau dorongan yang tidak wajar. Kita tidak pernah menawarkan, memberi atau menerima wang tunai, kad hadiah atau apa-apa bentuk wang yang lain.

Apabila kita ditawarkan ihsan perniagaan yang tidak konsisten dengan polisi dan prosedur DaVita, ihsan perniagaan itu akan ditolak dengan ucapan terima kasih. Jika menolak ihsan perniagaan akan mewujudkan situasi yang janggal, hubungi Team Quest untuk mendapatkan nasihat.

Kerajaan mempunyai undang-undang dan peraturan yang ketat berkenaan ihsan perniagaan untuk kakitangan mereka. Kita tidak memberikan sebarang ihsan perniagaan atau apa-apa yang bernilai kepada mana-mana pegawai atau kakitangan kerajaan, atau pengantara kerajaan, kecuali dalam keadaan terhad yang dibenarkan polisi dan prosedur DaVita, undang-undang dan peraturan tempatan serta Tatakelakuan ini. Semak Panduan Ihsan Perniagaan negara kamu atau hubungi penyelia kamu atau Team Quest untuk maklumat lanjut berkenaan Ihsan Perniagaan yang sesuai.

Elakkan Konflik Kepentingan

Untuk mengelakkan pertikaian tentang integriti kita, kita mesti dapat mengenal pasti dan mendedahkan kemungkinan konflik kepentingan dan mengelakkan diri daripada membuat keputusan di mana kesaksamaan kita seperti di kompromi.

1. PENGGAJIAN LUAR

Penggajian luar mestilah tidak mengganggu tugas kita di DaVita. Sebagai peraturan umum, kita harus mengelak daripada menjalinkan hubungan perniagaan, kewangan atau hubungan lain, atau menjalankan urus niaga yang berkonflik dengan kepentingan DaVita, keupayaan kita untuk menjalankan tugas DaVita kita atau sebaliknya, mengganggu penilaian profesional kita. Ini mungkin termasuk penggajian atau pengaturan lain dengan rakan kongsi perniagaan DaVita, pembekal, kontraktor, pesakit, pesaing, sumber-sumber rujukan (misalnya, doktor dan pembekal penjagaan kesihatan yang lain), kerajaan atau pihak ketiga yang lain. Selain itu, kita tidak menerima penggajian atau yuran daripada rakan kongsi perniagaan DaVita, pembekal, kontraktor, pesakit, pesaing, sumber rujukan, kerajaan atau pihak ketiga lain, jika kita mempunyai keupayaan untuk mempengaruhi perhubungan mereka dengan DaVita. Kita mestilah mendedahkan dan membincangkan dengan penyelia kita segala pekerjaan, perhubungan atau urus niaga luar yang boleh mewujudkan konflik kepentingan.

2. PELUANG PERNIAGAAN

Peluang perniagaan yang ditemui melalui pekerjaan kamu di DaVita adalah milik DaVita. Kita bertanggungjawab terhadap DaVita untuk mengembangkan kepentingan perniagaannya yang sah. Semua teammates dilarang menggunakan maklumat sulit atau proprietari DaVita untuk faedah peribadi.

3. TEMAN DAN KELUARGA

Perhubungan mungkin menjejaskan penilaian kita yang membawa kepada konflik kepentingan. Kita tidak sepatutnya mengambil bahagian dalam apa-apa keputusan sedia ada atau berpotensi DaVita yang melibatkan apa-apa perhubungan peribadi. Hubungan rapat dengan teammate DaVita, rakan kongsi perniagaan, pembekal, kontraktor, pesakit, pesaing, sumber rujukan, pegawai atau kakitangan kerajaan atau pihak ketiga lain tidak semestinya bermakna konflik kepentingan wujud secara automatik. Bagaimanapun, perkara yang betul untuk dilakukan ialah untuk membincangkan kemungkinan berlakunya konflik kepentingan dengan penyelia kamu atau Team Quest.

“Tidak sukar untuk membuat keputusan **APABILA ANDA KETAHUI PEGANGANANDA.**” —ROY DISNEY

Saling Menghormati

Kita komited untuk membekalkan persekitaran kerja yang merangsang di mana teammates mempunyai peluang untuk mencapai potensi penuh mereka. Kita semua dikehendaki melakukan yang semampunya untuk mewujudkan tempat kerja yang disegani.

1. PELUANG PENGGAJIAN YANG SAMA RATA

Kita komited untuk menyediakan tempat kerja yang pelbagai dan bebas daripada diskriminasi serta gangguan yang tidak wajar. Kita menggaji dan menaikkan pangkat teammates berdasarkan keupayaan mereka untuk menunjukkan kecemerlangan dalam kerja mereka serta dedikasi mereka untuk memenuhi keperluan pesakit kita. Interaksi sesama kita mestilah sentiasa adil, berobjektif dan profesional. Setiap daripada kita bertanggungjawab untuk menerap nilai penggajian yang adil dengan mematuhi undang-undang buruh dan pekerjaan yang berkenaan, termasuk undang-undang anti diskriminasi dan privasi. Kita akan menyediakan penginapan yang sesuai untuk individu dengan ketidakupayaan fizikal atau mental , seperti diperuntukkan undang-undang yang berkenaan. Jika kamu mempunyai soalan atau kemusykilan tentang diskriminasi atau gangguan di tempat kerja yang bercanggahan dengan undang-undang, bangkitkan isu ini dengan penyelia kamu atau Perkhidmatan Penduduk kamu. Sesiapa yang didapati terlibat dalam melakukan diskriminasi atau gangguan yang bercanggahan dengan undang-undang akan dikenakan tindakan pemulihan, sehingga dan termasuk penamatan penggajian, ke tahap yang dibenarkan undang-undang.

2. PENGGAJIAN YANG SAH

Kita mengekalkan semua bukti kelayakan, lesen dan sijil yang diperlukan untuk melaksanakan kerja kami. Teammates di kedudukan yang memerlukan lesen profesional, sijil atau bukti kelayakan lain adalah bertanggungjawab untuk memastikan bahawa lesen, sijil atau bukti kelayakan lain mereka adalah yang terkini dan aktif. Kami akan mematuhi keperluanundang-undang tempatan berkenaan dengan disiplin masing-masing. Jika kita didapati memalsukan bukti kelayakan, lesen atau sijil untuk diri kita atau untuk orang lain, kita boleh dikenakan tindakan pemulihan, sehingga dan termasuk penamatan penggajian, ke tahap yang dibenarkan undang-undang.

DaVita telah melaksanakan prosedur penapisan untuk mengenal pasti individu yang telah disanksi oleh kerajaan atau dilarang daripada menyertai sebarang program kerajaan. Ini termasuklah semakan terhadap pangkalan data yang tersedia kepada umum seperti senarai individu dan entiti terkecuali yang dikeluarkan oleh Jabatan Ketua Polis Negara Amerika Syarikat (OIG), senarai rakyat negara tertentu dan individu yang disekat dikeluarkan oleh Jabatan Kawalan Aset Asing (OFAC) dan Sistem GSA untuk Anugerah Pengurusan (SAM). Jika sesiapa antara kita menyedari bahawa kita – atau mana-mana teammates kita yang lain – disanksi atau dilarang daripada menyertai apa-apa program kerajaan, kita mestilah segera memberitahu Team Quest.

3. DADAH DAN ALKOHOL

Untuk melindungi pesakit, teammates, rakan kongsi perniagaan, pembekal kami dan pihak ketiga, kita mengekalkan persekitaran kerja yang bebas alkohol dan bebas dadah. Pada waktu kerja, semasa mengendalikan kenderaan atau peralatan DaVita atau melangsungkan penjagaan pesakit, kita dilarang:

- Mengguna, memiliki, membeli, menjual, mengeluarkan, mengedarkan, mengagihkan atau memindahkan dadah haram
- Memiliki atau mengguna alkohol atau ganja
- Di bawah pengaruh dadah haram, alkohol atau ganja
- Menggunakan dadah yang dimaksudkan untuk pesakit

Dalam keadaan khas, alkohol boleh dihidangkan sewaktu acara tajaan DaVita, di mana dibenarkan undang-undang dan bersesuaian dengan budaya setempat. Setiap daripada kita mestilah menggunakan penilaian yang bijak semasa mengambil alkohol dalam situasi sosial. Kita dipertanggungjawabkan untuk setiap tingkah laku kita, jika kita menyalahgunakan alkohol atau tidak dapat memandu selepas acara yang sedemikian. .

Sesiapa dengan masalah yang melibatkan dadah atau alkohol sangat digalakkan untuk mendapatkan bantuan daripada sumber dalaman dan luaran yang sewajarnya. Jika kita didapati bercanggahan dengan polisi tempat kerja bebas alkohol dan bebas dadah DaVita, kita akan dikenakan tindakan pemulihan, sehingga dan termasuk penamatan penggajian, ke tahap yang dibenarkan undang-undang.

4. GANGGUAN

Kita semua mesti merasa selamat semasa berada di DaVita. Oleh yang demikian, kami tidak mentoleransi keganasan, ancaman keganasan atau apa-apa bentuk diskriminasi atau gangguan yang menyalahi undang-undang termasuk gangguan seksual di tempat kerja.

Sesiapa yang mengalami atau perhatikan gangguan yang menyalahi undang-undang mesti melaporkan insiden itu kepada penyelia atau Perkhidmatan Penduduk dengan segera. Begitu juga, penyelia yang mengetahui akan kejadian yang sebegitu atau kemungkinan berlaku kejadian yang sebegitu mesti melaporkan perkara tersebut kepada Perkhidmatan Penduduk dengan segera. Perkhidmatan Penduduk akan menyiasat sebarang aduan dan mengambil tindakan yang sesuai dengan segera dan secara menyeluruh. Sesiapa yang didapati terlibat dalam melakukan gangguan yang menyalahi undang-undang akan dikenakan tindakan pemulihan, sehingga dan termasuk penamatan penggajian, ke tahap yang dibenarkan undang-undang.

Semua orang yang masuk ke hartanah DaVita dilarang membawa senjata terlarang, tidak kira sama ada orang tersebut mempunyai lesen untuk membawa senjata terlarang. Senjata terlarang, merangkumi tetapi tidak terhad kepada, apa-apa pistol, senapang, senjata api, bahan letupan, peranti, pisau, pistol renjatan atau apa-apa senjata lain yang dihalang atau dilarang undang-undang atau apa-apa senjata yang boleh menyebabkan kecederaan fizikal yang serius. Pegawai polis, pengawal keselamatan atau orang lain yang diberi kebenaran oleh DaVita boleh membawa senjata terlarang.

Teammates tidak pernah diberi kebenaran untuk memiliki senjata terlarang semasa menjalankan perniagaan DaVita, sama ada perniagaan tersebut diuruskan di premis DaVita ataupun di luar tapak.

5. KESIHATAN DAN KESELAMATAN

Setiap daripada kita perlu melakukan bahagian kita untuk memastikan kemudahan kita bersih dan berfungsi dengan baik. Kita mengikuti polisi dan prosedur kesihatan dan keselamatan yang dicipta untuk memastikan kita mematuhi semua undang-undang dan peraturan yang berkenaan yang diguna pakai di tempat kerja kita. Jika kita melihat kecederaan, kemalangan atau situasi berbahaya, kita mesti melaporkannya kepada penyelia kita dengan segera. Adalah penting untuk kita memberitahu penyelia kita dengan segera sebarang kecederaan tempat kerja yang serius atau situasi berbahaya agar tindakan segera boleh diambil untuk menyelesaikan isu tersebut.

Menyediakan persekitaran yang sihat dan selamat bukan sahaja untuk penjagaan pesakit namun untuk komuniti kita juga. Kemudahan kita adalah sebahagian daripada komuniti lebih besar kita dan kita tetap komited terhadap kesihatan mereka. Kita komited untuk menjimatkan sumber dan mengurangkan jejak ekologi kita dengan mematuhi undang-undang alam sekitar.

Amalan Perniagaan

Reputasi kita adalah salah satu aset yang terpenting kita. Ia merupakan tanggungjawab kita semua untuk melindungi reputasi DaVita. Kita akan mematuhi semua undang-undang dan peraturan yang berkenaan dengan perniagaan kita dan melibatkan diri dalam amalan perniagaan yang adil dan jujur.

1. KOD, BIL DAN AKAUN PESAKIT YANG BETUL

DaVita mendokumenkan penjagaan pesakit secara menyeluruh dan tepat pada masanya. Rekod perubatan adalah bukti bertulis penjagaan berkualiti yang kita berikan kepada pesakit kita. Kami mendidik teammates kami dan bekerja keras untuk mengelakkan penciptaan rekod yang mengandungi apa-apa maklumat palsu atau mengelirukan dengan sengaja.

Tuntutan bayaran atau kelulusan yang kami hantar adalah tepat, benar dan mengandungi kod yang didokumenkan dengan betul. Kami hanya mengecam untuk barangan atau perkhidmatan yang kami berikan. DaVita telah melaksanakan satu proses yang direka untuk mengenal pasti kesilapan dalam tuntutan atau pembayaran balik dan membuat pembayaran balik dalam tempoh yang ditetapkan, di mana berkenaan.

2. PENYIMPANAN DOKUMEN

Kita menyimpan semua dokumen seperti diperlukan polisi dan prosedur DaVita serta undang-undang dan peraturan yang berkenaan. Kita komited untuk mengekalkan rekod yang menyeluruh dan tepat menurut amalan perniagaan yang baik dan semua undang-undang yang berkaitan. Kita tidak pernah memusnahkan atau mengubah dokumen atau mengesyorkan dokumen dimusnahkan atau diubah suai untuk sebarang tujuan yang menyalahi undang-undang atau tidak wajar.

3. REKOD KEWANGAN YANG TEPAT

Kita membuat dan menyimpan rekod kewangan yang tepat. Kita tidak pernah memalsukan atau mengubah suai sebarang maklumat dalam rekod, laporan atau dokumen lain secara tidak wajar. Semua maklumat kewangan mestilah menunjukkan urus niaga sebenar dan mengikuti piawai industri. Rekod-rekod ini merupakan asas bagi pengurusan perniagaan kita dan penting dalam memenuhi obligasi kita kepada pesakit, teammates, rakan kongsi perniagaan, pembekal dan pihak ketiga. Kita mengekalkan sistem kawalan dalaman untuk memberikan jaminan yang munasabah bahawa semua urus niaga dilakukan dan direkodkan dalam cara yang betul.

Melindungi Aset DaVita

Kita sentiasa melindungi aset syarikat kita daripada kecurian, kecuaian dan pembaziran. Kita juga tetap teliti menjaga sumber Village kita seperti kita menjaga sumber kita sendiri.

1. PERLINDUNGAN DAN PENGGUNAAN YANG BETUL ASET DAVITAVILLAGE

Setiap daripada kita mesti melindungi aset Village dan memastikan penggunaan yang dibenarkan dan efisien. Aset Village adalah apa-apa sahaja yang DaVita berikan kepada kita untuk melakukan kerja kita, termasuk teknologi, rahsia perniagaan atau peralatan klinikal. Kecurian, kecuaian dan pembaziran akan, secara langsung, menjejaskan keuntungan dan jejak karbon kita. Kita harus menggunakan aset DaVita hanya untuk tujuan perniagaan sahaja.

Semua orang bertanggungjawab untuk melindungi harta intelektual dan maklumat perniagaan DaVita, walaupun selepas kita meninggalkan Village ini. Harta intelektual dan maklumat perniagaan ialah maklumat yang mungkin belum diketahui umum atau maklumat tentang rahsia perniagaan atau rancangan masa hadapan DaVita. Sama seperti maklumat sulit teammates dan pesakit, kita boleh berkongsi harta intelektual dan maklumat perniagaan hanya dengan teammates lain, rakan kongsi perniagaan, pembekal, kontraktor atau pihak ketiga apabila perlu untuk urusan kerja sahaja. Kita hanya boleh berkongsi harta intelektual dan maklumat perniagaan dengan pihak lain apabila perjanjian yang sewajarnya telah dimeterai.

2. PERDAGANGAN ORANG DALAM

Kita tidak pernah menggunakan, untuk faedah peribadi kita, maklumat tentang DaVita yang tidak tersedia kepada umum. Mungkin terdapat masa, dalam urusan seharian kita, kita menemui maklumat tentang DaVita atau rakan kongsi syarikat tersenarai, pembekal atau pihak ketiga yang masih belum diketahui umum. Penggunaan maklumat yang tidak diketahui umum atau maklumat "orang dalam" untuk tujuan perdagangan sekuriti adalah dilarang keras di bawah polisi dan prosedur DaVita serta undang-undang sekuriti.

3. KOMUNIKASI LUARAN

Kita sangat berhati-hati dalam mendedahkan maklumat syarikat. Kita tidak pernah mendedahkan sebarang maklumat sulit tanpa kebenaran.

Ia mungkin tidak wajar untuk memberi pandangan kita atau maklumat tentang DaVita di Internet, walaupun maklumat tersebut bukan sulit. Komen kita kepada penonton luar mungkin dianggap sebagai komen DaVita, walaupun kita tidak berniat sedemikian.

Kita jangan sekali-kali bercakap dengan media tentang DaVita, melainkan jika kita telah diberi kebenaran nyata untuk berbuat demikian oleh pasukan Komunikasi DaVita (D-COMM) atau JLD.

4. LAMAN MEDIA SOSIAL

Kita adalah wajah DaVita dan harus berkelakuan dengan sewajarnya semasa membincangkan DaVita. Dalam mematuhi polisi dan prosedur DaVita yang berkenaan, teammates mungkin menggunakan media sosial untuk tujuan peribadi atau kerja dari semasa ke semasa. Apabila berbuat demikian, kita mestilah sentiasa jelas bahawa sebarang pendapat yang disiarkan di Internet adalah pendapat kita sendiri dan bukan pendapat DaVita (pengurus atau eksekutif mestilah lebih berhati-hati kerana apa sahaja yang mereka siarkan boleh dianggap sebagai mewakili pandangan dan pendapat DaVita). Menyiarkan butiran tentang aktiviti kerja individu, pesakit, DaVita atau seumpamanya boleh bercanggah dengan polisi dan prosedur kerahsiaan DaVita serta undang-undang privasi. Kita mesti melindungi semua maklumat sulit; kegagalan untuk berbuat demikian boleh menyebabkan teammates dikenakan tindakan pemulihan yang sepatutnya, sehingga dan termasuk penamatan penggajian, ke tahap yang dibenarkan undang-undang.

Kita mematuhi semua undang-undang hak cipta, tanda dagangan, penggunaan saksama dan pendedahan kewangan. D-COMM menguruskan saluran media sosial DaVita A.S. Di luar A.S., segala soalan berkaitan penggunaan media sosial mestilah dituju kepada pasukan pengurusan tempatan yang memantau media sosial.

Patuhi Undang-undang

DaVita serius tentang tanggungjawabnya untuk mematuhi undang-undang dan peraturan-peraturan. Walaupun mustahil untuk kita mengetahui semua undang-undang, kita harus faham bagaimana undang-undang dan peraturan yang berikut diguna pakai dalam kerja kita.

1. UNDANG-UNDANG ANTITRUST

Kami berkelakuan dalam cara yang beretika, jujur dan berintegriti dan mematuhi undang-undang antitrust dalam urusan kami dengan pesaing dan pelanggan. Undang-undang antitrust dan undang-undang lain yang mengawal persaingan bertujuan menggalakkan dan melindungi persaingan yang bebas, sah dan adil dalam pasaran; undang-undang adalah berbeza antara satu negara dan negara lain tetapi wujud dalam hampir semua negara. Undang-undang ini dikenakan terhadap perilaku pada semua peringkat organisasi. Secara amnya, undang-undang antitrust dan undang-undang lain yang mengawal persaingan menghendaki DaVita bersaing secara individu dan tidak bergabung bersama-sama dengan syarikat atau pesaing lain dalam perjanjian untuk menyekat persaingan atau mewujudkan monopoli.

Secara amnya, undang-undang antitrust melarang:

- Penyalahgunaan kuasa pasaran untuk melakukan diskriminasi harga tidak adil dan cara-cara persaingan tidak adil yang lain
- Perjanjian atau tindakan dengan pesaing yang menyekat perdagangan dalam apa jua cara atau yang tidak konsisten dengan konsep persaingan yang bebas, terbuka dan adil
- Penyalahgunaan atau pertukaran harta intelek atau maklumat sulit atau maklumat perniagaan proprietari dengan pesaing
- Urus niaga yang mungkin mengurangkan persaingan atau cenderung mewujudkan monopoli, kedudukan yang mendominasi pasaran, atau kuasa pasaran

Persetujuan dengan pesaing mengenai harga atau paras bekalan, pembahagian pelanggan atau kawasan penjualan, atau bida, merupakan pelanggaran undang-undang dan dasar Syarikat.

Rakan sepasukan perlu berhati-hati semasa menghadiri mesyuarat dengan pesaing, mesyuarat persatuan dan pameran perdagangan untuk mengelakkan daripada kelihatan wujudnya sebarang perilaku anti-persaingan. Jika anda mendapati diri anda terlibat dalam perbincangan yang meragukan, luahkan kebimbangan anda, tamatkan perbincangan, tinggalkan mesyuarat dan maklumkan JLD dengan serta-merta.

Kegagalan untuk mematuhi undang-undang antitrust boleh menyebabkan hukuman jenayah dan sivil dikenakan terhadap DaVita dan Rakan Sepasukan secara peribadi, gangguan perniagaan yang ketara, dan memudaratkan reputasi DaVita.

Kami amat komited untuk mencapai kejayaan melalui persaingan yang adil, sah dan penuh bersemangat. Rakan Sepasukan hendaklah membincangkan apa-apa kebimbangan mengenai sesuatu tindakan atau perkiraan khusus dan penerapan undang-undang antirust dengan JLD.

2. UNDANG-UNDANG ANTI RASUAH DAN ANTI SOGOKAN

Apabila kitamenjalankan perniagaan di peringkat antarabangsa, kitamematuhi Akta Amalan Rasuah Luar Negara A.S. (FCPA), serta undang-undang anti rasuah dan anti sogokan lain. Kita tidak mentoleransi apa-apa percanggahan undang-undang ini. FCPA terdiri daripada dua prinsip asas:

(1) Dilarang memberi rasuah kepada pegawai dan kakitangan bukan kerajaan A.S.; dan

(2) Penyimpanan buku, rekod dan sistem perakaunan yang tepat serta kawalan perakaunan dalaman yang betul.

Tambahan kepada undang-undang tempatan yang tertentu yang melarang pemberian rasuah kepada individu yang disekutukan dengan entiti bukan kerajaan sebagai pertukaran untuk bantuan perniagaan atau faedah lain. Ini dikenali sebagai rasuah "swasta" atau "komersil."

Kita tidak akan, secara langsung atau tidak langsung, memberi, menawarkan atau menjanjikan apa-apa yang bernilai kepada mana-mana pegawai atau kakitangan kerajaan, sumber rujukan atau orang atau entiti lain sama ada berkaitan dengan kerajaan atau entiti swasta, dengan tujuan merasuah untuk mendapatkan atau mengekalkan perniagaan, atau mendapatkan kelebihan perniagaan yang tidak adil. Kita juga tidak akan menggunakan pihak ketiga untuk menjalankan aktiviti yang bercanggahan dengan polisi dan prosedur DaVita, undang-undang dan peraturan berkaitan atau Tatakelakuan ini.

Rakan kongsi perniagaan kita, pembekal dan pihak ketiga juga dilarang daripada memberi, menawarkan atau menjanjikan apa-apa yang bernilai, kepada mana-mana individu, yang melanggar FCPA atau undang-undang anti rasuah dan anti sogokan lain. Semua bayaran yang dibuat bagi pihak DaVita mestilah bersertakan dokumen bertulis yang tepat, tulus dan lengkap tentang pembayaran dan tujuan pembayaran tersebut.

Sebaliknya, kita tidak akan meminta atau menerima apa-apa yang bernilai daripada mana-mana orang atau entiti yang mencari, memasuki atau menjalankan urusan perniagaan dengan DaVita yang mungkin mengompromi atau kelihatan seperti mengompromikan keputusan perniagaan kami

3. UNDANG-UNDANG ANTI SOGOKAN

Kami menjalankan urusan perniagaan dengan sumber rujukan (misalnya, doktor dan pembekal penjagaan kesihatan yang lain) selaras dengan undang-undang dan peraturan tempatan. Di A.S. ini bermaksud urusan perniagaan dengan sumber rujukan pada nilai pasaran yang adil dan perundingan pada terma biasa. Polisi DaVita melarangpenerimaan, pendapatan atau pemberian sogokan dalam apa jua bentuk. Sogokan ialah bayaran, pemberian hadiah, perkhidmatan atau barangan bernilai yang ditawarkan atau diterima sebagai balasan untuk meningkatkan perniagaan atau rujukan pesakit. Kita semua bertanggungjawab untuk mematuhi polisi Anti Sogokan DaVita dan semua undang-undang Anti Sogokan yang diguna pakai perniagaan kita.

4. AMALAN PEMASARAN DAN PENGIKLANAN

Kita mengamalkan teknik pemasaran yang jujur, berterus-terang dan tidak mengelirukan. Konsisten dengan undang-undang dan peraturan, kita mungkin menggunakan aktiviti pemasaran dan pengiklanan untuk mendidik masyarakat, meningkatkan kesedaran tentang perkhidmatan kita dan mengambil teammates.

Komuniti Kami

DaVita berusaha untuk menjadi peneraju dalam industri kita dan pemimpin dalam komuniti kita. Kita ingin memulakan gelombang baharu.

1. TINDAKAN POLITIK

Kita menyokong isu utama yang penting terhadap penjagaan kesihatan dengan mengambil tindakan, seperti yang dibenarkan undang-undang, untuk memastikan pegawai kerajaan mendengar pendapat pesakit dan kami. Di mana bersesuaian, DaVita mungkin menjemput kamu untuk menulis surat, membuat panggilan telefon dan menyokong usaha sama akar umbi. Penyertaan dalam mana-mana tindakan inisiatif politik tajaan DaVita, tidak mempunyai kesan terhadap status penggajian di DaVita dan tidak ada sesiapa yang akan dipaksa untuk mengambil bahagian.

Kita boleh mengambil bahagian sepenuhnya dalam proses politik. Bagaimanapun, kita tidak akan membuat sebarang sumbangan politik bagi pihak DaVita tanpa berunding dahulu dengan anggota Polisi Awam DaVita (G-Force) mengenai sumbangan di A.S. atau Team Quest untuk sumbangan di luar A.S. Jika kita memilih untuk mengambil bahagian dalam aktiviti parti politik, kita berbuat demikian atas budi bicara kita sendiri dan tidak memberikan tanggapan yang kita mewakili pihak DaVita.

2. SUMBANGAN KEBAJIKAN

Sumbangan kebajikan boleh dibuat kepada badan kebajikan luaran, bagi pihak DaVita, dengan kelulusan yang sewajarnya daripada D-COMM di A.S. atau Team Quest di luar A.S. Kita tidak mengambil bahagian dalam aktiviti kebajikan atau membuat sumbangan kebajikan untuk mempengaruhi rujukan supaya mendapatkan kelebihan perniagaan secara tidak adil atau dalam cara yang menyalahi undang-undang.

Sebab kita merupakan satu Village, kita saling membantu sesama sendiri dan komuniti yang lebih besar kita. Kita digalakkan untuk menjadi sukarelawan bagi aktiviti kebajikan. Bagaimanapun, tiada sesiapa yang boleh memaksa seseorang untuk berbuat demikian. Kita juga boleh menyertai aktiviti kebajikan bukan tajaan DaVita asalkan ia tidak menjejaskan kerja kita.

Kesimpulan

Tatakelakuan ini adalah panduan untuk kerja seharian kita.

Tatakelakuan ini cuma permulaan kepada banyak sumber yang tersedia untuk teammates. Akhir sekali, kita bergantung kepada setiap teammate untuk menggunakan penilaian yang baik dan menerap Nilai Teras kita. Jika kamu mempunyai sebarang soalan, sila ajukan kepada penyelia kamu, pengurusan kanan, Team Quest, JLD atau Hotline Pematuhan.

A.S.: Dail 1-888-458-5848 atau layari DaVitaCompliancehotline.com

Luar A.S.: Layari http://www.davita.com/compliancehotline untuk mencari nombor telefon atau laman web untuk negara kamu

Pandangan pihak lain tentang DaVita dibentuk berdasarkan tindakan kita. **HANYA BERIKAN MEREKA PERKARA YANG POSITIF UNTUK DIPERKATAKAN!**

Soalan Lazim

Soalan Lazim berikut diguna pakai kepada semua perniagaan penjagaan buah pinggang DaVita.

HOTLINE PEMATUHAN

S: Jika saya membuat laporan kepada Hotline Pematuhan, adakah saya perlu bercakap dengan teammates DaVita?

J: Tidak. Hotline Pematuhan dikendalikan oleh kontraktor pihak ketiga dengan pekerja yang terlatih.

S: Perlu saya memberikan maklumat peribadi?

J: Jika dibenarkan undang-undang tempatan, kamu tidak perlu memberikan maklumat peribadi kamu. Bagaimanapun, di sesetengah negara undang-undang tempatan melarang laporan tanpa nama. Di negara sebegini, Hotline Pematuhan mungkin tidak dapat menerima laporan kamu jika kamu tidak memberikan nama kamu dan kamu mungkin tidak dapat meneruskan laporan kamu. Sila rujuk kepada Polisi Hotline Pematuhan atau Panduan Hotline Negara tempatan untuk maklumat lanjut.

S: Isu apakah yang harus saya laporkan kepada Hotline Pematuhan?

J: Pelanggaran yang disyaki atau sebenar terhadap polisi dan prosedur DaVita, undang-undang dan peraturan berkenaan dan Tatakelakuan ini. Contohnya, hadiah yang tidak wajar, rasuah atau sogokan, pemalsuan atau pemusnahan maklumat, kemusykilan bil penjagaan kesihatan, isu laporan kewangan, konflik kepentingan dan penyalahgunaan wang atau harta DaVita.

S: Apakah jangka masa yang akan diambil untuk menyiasat laporan saya?

J: Semua laporan Hotline Pematuhan disiasat dalam tempoh masa yang berpatutan berdasarkan keutamaan. Kamu boleh menggunakan nombor laporan dan PIN yang diberikan oleh pembekal Hotline Pematuhan untuk memeriksa status laporan kamu, meskipun maklumat terperinci tidak akan diberikan.

S: Mungkin identiti saya terbongkar bila saya memfailkan laporan melalui Hotline Pematuhan?

J: DaVita berusaha untuk mengekalkan kerahsiaan individu yang membuat laporan salah laku kepada Hotline Pematuhan. Bagaimanapun individu yang membuat laporan mungkin diketahui sewaktu penyiasatan berdasarkan keadaan sebenar. Teammates yang memfailkan laporan Hotline Pematuhan diingatkan bahawa DaVita akan melindungi identiti setiap orang yang membuat laporan dengan sebaik mungkin dan DaVita melarang ancaman balas terhadap mereka yang melaporkan isu Pematuhan dengan niat baik.

S: Adakah individu yang dinamakan dalam laporan Hotline Pematuhan akan dimaklumkan bahawa mereka telah dikenal pasti dalam laporan Hotline Pematuhan?

J: Ya, di negara tertentu individu yang dikenal pasti dalam laporan Hotline Pematuhan akan dimaklumkan tentang pertuduhan yang dikenakan kepada mereka. Ini akan berlaku sebaik sahaja kami memastikan pemberitahuan sedemikian tidak akan mengganggu siasatan. Notis sedemikian tidak akan memberitahu identiti individu yang memfailkan laporan, melainkan jika diperlukan undang-undang. Rujuk Polisi Talian Hotline Pematuhan atau Panduan Hotline Pematuhan negara kamu untuk maklumat lanjut.

TIADA ANCAMAN BALAS

S: Apakah maksud "niat baik"?

J: Niat baik bermaksud jujur dan tanpa niat buruk atau jahat.

S: Apakah maksud memfailkan laporan Hotline Pematuhan dengan "niat baik"?

J: Laporan Hotline Pematuhan yang difailkan dengan "niat baik" membawa maksud seorang teammates percaya bahawa satu percanggahan peraturan telah berlaku dan percanggahan tersebut dilaporkan dengan jujur dan tanpa niat buruk atau jahat.

PENJAGAAN BERKUALITI PESAKIT

S: Saya rasa seorang jururawat mungkin telah membuat kesilapan semasa menguruskan dadah kepada pesakit. Apabila saya membangkitkan perkara tersebut kepada jururawat itu, dia kelihatan marah dan menyatakan yang dia akan menguruskan hal tersebut. Saya tidak pasti sama ada tindakan telah diambil. Perlu saya melakukan apa-apa lagi?

J: Jika kamu tidak pasti, teruskan bangkitkan isu tersebut. Berbincang dengan penyelia kamu atau laporkan isu itu kepada Hotline Pematuhan. Kesilapan memang berlaku dalam tugasan harian, tetapi dengan sikap ambil berat dan keprihatinan semua orang, kesilapan boleh dicegah atau dibetulkan.

MAKLUMAT SULIT PESAKIT

S: Baru-baru ini jiran saya, Mary, telah dimasukkan kekemudahan kita. Saya terjumpa seorang lagi jiran semasa membeli-belah. Dia bertanyakan saya keadaan Mary. Bagaimana harus saya menjawab?

J: Kamu tidak boleh membincangkan keadaan Mary atau perkhidmatan yang dia terima. Kamu mempunyai kewajipan profesional untuk menghormati dan melindungi privasi Mary. Kamu hanya boleh membincangkan rawatan pesakit atau maklumat kesihatan lain seperti yang dibenarkan oleh polisi dan prosedur DaVita, undang-undang dan peraturan tempatan serta Tatakelakuan ini.

S: Bolehkah saya berikan salinan maklumat rawatan terkini dan nilai makmal pesakit kepada penyedia penjagaan kesihatan lain?

J: Ya. Kamu boleh memberikan maklumat pesakit kepada penyedia penjagaan kesihatan lain dengan tujuan untuk merawat pesakit, jika dibenarkan oleh undang-undang. Sebelum berbuat demikian, kamu perlu mengesahkan hubungan rawatan pesakit dengan penyedia penjagaan kesihatan yang membuat permintaan itu.

HUBUNGAN PERNIAGAAN

S: Seorang pesakit ingin mengupah anak lelaki saya untuk membuat "kerja sampingan" di rumahnya. Bolehkah saya membenarkan anak lelaki saya menerima pekerjaan itu?

J: Tidak. Sebagai peraturan umum, teammates harus mengelakkan perhubungan perniagaan dengan pesakit. Kita tidak mahu pesakit berfikir mereka yang akan menerima penjagaan yang lebih baik atau lebih teruk jika mereka "membantu" teammates kita dan ahli keluarga mereka.

S: Seorang pembekal baru sanggup memberi kemudahan kita kontrak berdiskaun untuk perkhidmatan mesin fotostat baru di kemudahan kita jika kita mengupah syarikatnya. Saya rasa kontrak ini akan menjimatkan wang yang banyak untuk syarikat. Bolehkah saya membuat pertimbangan untuk menggunakan pembekal ini?

J: Ya. Jika kamu rasa DaVita akan mendapat urusan yang lebih baik dengan pembekal ini, kehadapankan isu ini kepada penyelia kamu agar perbandingan boleh dilakukan dengan tawaran lain. DaVita biasanya mempunyai kontrak nasional dengan pembekal dan membuat pilihan berdasarkan harga, kualiti dan perkhidmatan. Bagaimanapun, kamu tidak boleh menerima diskaun atau barangan bernilai lain daripada pembekal itu untuk kegunaan kamu sebagai balasan membantu pembekal itu mendapatkan perniagaan DaVita.

S: Seorang pembekal menawarkan saya komputer peribadi percuma hanya untuk menandatangani kontrak antara DaVita dan syarikatnya. Bolehkah saya menerima komputer itu?

J: Tidak. Kita tidak boleh membenarkan hadiah peribadi atau diskaun mempengaruhi penilaian kita dalam menandatangani kontrak. DaVita memilih pembekal berdasarkan harga, kualiti dan perkhidmatan, bukannya hadiah.

IHSAN PERNIAGAAN

S: Apakah yang DaVita anggap sebagai "ihsan perniagaan"?

J: "Ihsan perniagaan" merangkumi apa-apa perkara, perkhidmatan, faedah atau apa sahaja yang mempunyai nilai ekonomi atau peribadi, yang merangkumi : hadiah, belanja makan perniagaan, hiburan, pengembaraan, barangan pendidikan atau promosi, melainkan bayaran untuk perkhidmatan yang di kontrak dengan sah kepada DaVita.

S: Bolehkah saya jemput pakar perubatan ke suite semasa acara sukan untuk pembentangan dan bufet?

J: Tidak. Walaupun kita boleh menguruskan perniagaan yang sah semasa acara sukan, mereka yang hadir diacara sukan biasanya hanya mahukan hiburan. Menyediakan hiburan kepada sumber rujukan boleh mewujudkan tanggapan bahawa tujuan acara ini adalah untuk menjana perniagaan dengan memberikan faedah bernilai peribadi. Maka, kehadiran diacara sukan, dan lain-lain acara hiburan atau rekreasi tidak dibenarkan.

S: Bolehkah saya berikan pakar perubatan bakul hadiah berisi makanan atau wain?

J: Ini bergantung kepada undang-undang tempatan negara asal bakal penerima. Rujuk kepada Polisi Ihsan Perniagaan dan Panduan Ihsan Perniagaan Negara untuk panduan khusus.

S: Saya hendak memberi hadiah kepada seorang teammates sempena hari jadinya. Adakah Polisi Ihsan Perniagaan atau Hadiah dikenakan?

J: Tidak. Peraturan ini tidak dikenakan terhadap interaksi antara teammates DaVita. Hadiah hari jadi boleh diterima asalkan ia bertujuan untuk menunjukkan penghargaan peribadi sebenar dan bukan untuk mempengaruhi keputusan perniagaan.

S: Bolehkah saya memberikan hadiah kepada pesakit?

J: Pada amnya, kamu harus mengelakkan daripada memberi atau menerima hadiah daripada pesakit. Hadiah tidak boleh diberikan untuk mendorong pesakit menggunakan atau terus menggunakan DaVita sebagai penyedia penjagaan kesihatan. Sekali-sekala kamu boleh memberi hadiah kepada pesakit, jika dibenarkan oleh dasar Hadiah tempatan. Wang tunai, sijil hadiah, kad hadiah dan kiriman wang, dalam sebarang jumlah, adalah dilarang.

S: Seorang pembekal cuba untuk memberi saya hadiah mahal yang nyata menyalahi Polisi Hadiah. Patutkah saya menolak hadiah tersebut?

J: Ya! Kamu patut menolak hadiah tersebut. Kamu harus menerangkan kepadanya yang hadiah itu sangat menarik namun mungkin mewujudkan konflik kepentingan. Kamu juga harus memberitahu Team Quest tentang hadiah tersebut.

S: Bolehkah pembekal memberi hadiah kepada sekumpulan teammates?

J: Ya, jika hadiah diberikan kepada satu pasukan, kemudahan atau jabatan, ia konsisten dengan polisi tempatan berkenaan penerimaan hadiah daripada pembekal dan dikongsi oleh kumpulan tersebut. Beberapa contoh hadiah yang diterima adalah hadiah bakul perayaan, talam biskut atau coklat. Teammates juga boleh menerima barangan promosi seperti produk pejabat dengan logo pembekal.

KONFLIK KEPENTINGAN

S: Adakah saya dibenarkan untuk mempunyai pekerjaan kedua?

J: Ya, asalkan pekerjaan kedua itu tidak mengganggu tugas kamu di DaVita. Jika kamu ingin mempunyai pekerjaan kedua, kamu perlu memaklumkan pekerjaan itu kepada penyelia kamu untuk memastikan ia tidak akan menjejaskan keupayaan kamu untuk memenuhi kewajipan kamu kepada DaVita, yang mengakibatkan kesan buruk kepada kamu atau DaVita atau sebaliknya mewujudkan konflik kepentingan.

S: Apakah ia salah untuk ahli keluarga saya membekalkan produk atau perkhidmatan kepada DaVita?

J: Tidak semestinya. Hubungan kamu dengan orang ini tidak boleh mempengaruhi keputusan pembelian. Untuk mengelakkan konflik, kamu harus memberitahu penyelia kamu atau Perkhidmatan Penduduk tentang apa-apa perhubungan peribadi yang rapat atau perhubungan kekeluargaan dengan pembekal atau bakal pembekal.

PENGGAJIAN

S. Salah seorang daripada teammates saya suka bergurau semasa waktu rehat. Sifat gurauannya tidak beradap dan lucah. Apakah terdapat apa-apa yang boleh saya lakukan?

J: Ya, jika kamu merasa kurang selesa dengan teammates kamu itu, kamu boleh memintanya untuk berhenti memberikan gurauan yang tidak senonoh atau mengganggu. Jika kamu tidak merasa selesa bercakap dengan teammates itu, bincangkan situasi itu dengan penyelia kamu (melainkan teammates itu ialah penyelia kamu) atau Perkhidmatan Penduduk.

PENGGAJIAN YANG SAH

S: Apakah maksud menjadi individu atau entiti yang dikecualikan oleh Pejabat Ketua Polis Negara A.S.?

J: Individu atau entiti yang dikecualikan ialah orang atau syarikat yang "tidak dibenarkan" menyertai sebarang program penjagaan kesihatan yang dibiayai kerajaan persekutuan A.S. atau kerajaan negeri. Di bawah undang-undang A.S, sesiapa yang mengupah individu atau syarikat yang dikecualikan oleh OIG boleh dikenakan hukuman denda awam.

S: Individu atau entiti yang dikecualikan ialah orang atau syarikat yang "tidak dibenarkan" menyertai sebarang program penjagaan kesihatan yang dibiayai kerajaan persekutuan A.S. atau kerajaan negeri. Di bawah undang-undang A.S, sesiapa yang mengupah individu atau syarikat yang dikecualikan oleh OIG boleh dikenakan hukuman denda awam.

J: DaVita memeriksa jika individu atau entiti yang terlibat dalam operasi perniagaan A.S. DaVita tersenarai dalam senarai kerajaan yang tersedia secara umum untuk individu dan entiti yang dikecualikan, sebelum dan semasa penglibatan individu atau entiti itu dalam operasi DaVita di A.S.

KESIHATAN DAN KESELAMATAN

S: Saya nampak seorang teammates membuang bahan kimia dari kemudahan ke dalam longkang bandar. Apakah yang harus saya lakukan?

J: Bahan kimia mungkin berbahaya dan mesti dikendalikan dan dibuang dalam cara yang betul untuk melindungi persekitaran masyarakat tempatan kita. Kamu harus laporkan insiden itu kepada penyelia kamu atau orang yang ditetapkan di kemudahan tersebut dan pihak lain seperti yang diperlukan oleh polisi dan prosedur Kesihatan dan Keselamatan tempatan kamu.

REKOD YANG TEPAT

S: Apakah yang harus saya lakukan jika saya mendapati seorang teammates lain membuat kesilapan dalam rekod perubatan pesakit?

J: Terdapat prosedur khas untuk membetulkan kesilapan dalam rekod perubatan. Kamu harus menyemak insiden itu dengan penyelia kamu dan teammates yang membuat kesilapan tersebut. Jika kamu tidak berasa selesa untuk berjumpa penyelia kamu, kamu boleh merujuk insiden tersebut kepada Team Quest atau hubungi Hotline Pematuhan. DaVita melarang ancaman balas terhadap mana-mana teammates yang mendapatkan bantuan atau membuat laporan dengan niat baik.

S: Saya diarahkan oleh penyelia saya untuk memproses bayaran untuk perkhidmatan walaupun nota carta tidak menyokong tahap perkhidmatan itu. Apakah yang harus saya lakukan? Ke mana harus saya laporkan maklumat ini?

J: Kamu harus membincangkan kebimbangan kamu dengan penyelia kamu. Jika kamu tidak selesa berjumpa dengan penyelia kamu, kamu boleh berunding dengan Team Quest atau hubungi Hotline Pematuhan.

S: Seorang rakan jururawat menghubungi saya dari rumah selepas menamatkan syifnya. Dia memberitahu saya bahawa dia terlupa memasukkan pesanan lisan yang diterima untuk perubahan dalam rawatan perubatan. Jururawat itu meminta saya memasukkan perubahan dalam carta pesakit dan menggunakan parapnya. Dia kata carta biasa dikemas kini begini dan tidak berbahaya. Bolehkah perkara ini dilakukan?

J: Tidak. Walaupun jururawat itu melakukan perkara yang betul dengan menelefon untuk melaporkan kesilapan carta, kesilapan itu mestilah dilaporkan segera kepada penyelia. Kamu tidak boleh merekodkan pesanan yang kamu tidak dengar. Jangan tandatangan menggunakan tandatangan atau parap seseorang dan jangan gunakan kata laluan teammates lain. Teammates yang mengambil pesanan itu boleh membuat entri dalam rekod perubahan sebagai entri lewat apabila teammates tersebut berada di kemudahan.

S: Saya telah menyemak draf laporan kewangan rasmi dan mendapati terdapat beberapa data tidak betul. Patutkah saya menganggap orang lain akan menyedari kesilapan ini?

J: Tidak. Segera membawa maklumat ini kepada perhatian penyelia kamu. Jika penyata rasmi telah diterbitkan dengan maklumat yang tidak betul, akan terdapat akibat buruk buat DaVita dan mereka yang bertanggungjawab menyediakan dokumen tersebut.

S: Teammates atau pihak ketiga telah menghantar laporan perbelanjaan untuk acara yang sebenarnya tidak pernah berlaku. Apakah yang harus saya lakukan?

J: Beritahu penyelia kamu, pengurusan kanan, Team Quest atau hubungi Hotline Pematuhan. Laporan perbelanjaan yang tidak betul boleh menjadi cara untuk memfitnah DaVita atau memintasi polisi Pematuhan DaVita.

PENYIASATAN

S: Seseorang menelefon dan menyatakan yang beliau dari agensi kerajaan. Orang itu hendak maklumat pesakit tertentu dihantar melalui faks dengan serta-merta. Apakah yang harus saya lakukan?

J: Teammates dan agen kerajaan tertentu mempunyai hak untuk menyemak maklumat pesakit. Bagaimanapun, permintaan ini biasanya dilakukan secara bertulis dan dihantar dengan rasmi. Dengan bersopan, minta orang tersebut untuk menghantar permintaan bertulis melalui saluran yang sesuai.Ini membolehkan permintaan tersebut diproses mengikut polisi Privasi yang diguna pakai.

PERLINDUNGAN DAN PENGGUNAAN ASET VILLAGE DENGAN BETUL

S: Saya pemilik perniagaan kecil dan melakukan rundingan apabila saya tidak berada di DaVita. Bolehkah saya menghantar e-mel kepada pelanggan dan memfakskan borang semasa waktu rehat tengah hari menggunakan komputer atau mesin faks DaVita?

J: Tidak. Semua aset dan bekalan DaVita digunakan untuk mengembangkan perniagaan DaVita. Teammates mestilah menjalankan perniagaan luar mereka pada masa mereka sendiri dan menggunakan sumber mereka sendiri.

S: Sepupu saya bekerja di jabatan bilsyarikat dialisis lain. Bolehkah kami membincangkan tugas kami apabila kami berjumpa?

J: Tidak ada masalah, asalkan kamu tidak membincangkan apa-apa maklumat proprietari, maklumat pesakit atau makluman sulit. Untuk mengelakkan konflik kepentingan, kamu harus memberitahu penyelia kamu atau Perkhidmatan Penduduk tentang mana-mana rakan baik atau ahli keluarga yang bekerja dengan syarikat pesaing.

PERDAGANGAN ORANG DALAM

S: Keluarga dan rakan saya selalu bertanya kepada saya sama ada mereka patut membeli saham DaVita. Bolehkah saya berikan pendapat saya?

J: Elakkan sebarang perbincangan khusus tentang rancangan syarikat, prestasi atau perkembangan penting lain yang belum diumumkan. Kamu jangan membuat cadangan kepada sesiapa berkenaan belian atau jualan saham DaVita. Peraturan yang sama tentang maklumat "dalaman" dikenakan sama ada kamu membeli atau menjual saham sendiri atau kamu memberikan maklumat tersebut kepada orang lain, juga dikenali sebagai "tip". Jika saham dibeli berdasarkan maklumat bukan umum atau "tip", ia boleh dianggap sebagai menyalahi undang-undang sekuriti persekutuan untuk orangyang memberi tip dan juga orang yang menerima tip tersebut.

UNDANG-UNDANG ANTI RASUAH DAN ANTI SOGOKAN

S: Seorang pakar perubatan kekurangan pekerja di pejabatnya. Bolehkah pembantu pentadbir saya membantu dia menyusun jadual dan kertas kerjanya?

J: Tidak. Memberikan bantuan pejabat kepada potensi sumber rujukan, seperti pakar perubatan, tanpa bayaran boleh dianggap sebagai sogokan.

S: Seorang juru nilai tempatan yang bertanggungjawab untuk menilai kemudahan saya memberitahu saya bahawa saya boleh membayarnya yuran tahunan untuk mengehadkan bilangan penilaian yang kita terima dalam setahun. Adakah ini betul?

J: Tidak. Membayar penilai untuk kurangkan kekerapan menilai adalah rasuah. Jika sesuatu seperti ini dikemukakan, tolak tawaran tersebut dan segera hubungi ahli Team Quest.

S: Seorang perunding telah berunding untuk kontrak kerajaan bagi pihak DaVita dan meminta saya bayaran balik untuk tiket penerbangan kelas pertama ke lokasi yang tidak dinyatakan. Patutkah saya bertanyakan tentang sifat perjalanan itu?

J: Ya. Walaupun perjalanan itu mungkin sah, laporan perbelanjaan yang tidak lengkap merupakan bendera merah bahawa perunding itu mungkin telah memberikan sesuatu yang bernilai secara tidak wajar kepada pegawai atau teammates kerajaan. Kamu harus bertanya lebih lanjut tentang butiran perniagaan untuk perjalanan tersebut, minta salinan tiket penerbangan atau invois dan segera hubungi ahli Team Quest jika kamu mengesyaki atau mengetahui terdapat sesuatu yang tidak kena dengan perjalanan tersebut.

S: Kami menyewa tapak dari sebuah hospital pendidikan awam. Salah seorang daripada ahli nefrologi hospitak itu meminta izin untuk menggunakan salah sebuah bilik persidangan untuk beberapa hari seminggu untuk bertemu dengan pelajar. Bolehkah kami menyewakan ruang itu kepada ahli nefrologi tersebut?

J: Ya. Asalkan ahli nefrologi itu membayar nilai harga pasaran atau kadar pasaran yang adil untuk menyewa ruang tersebut dan perjanjian sewa dimeterai. Hubungi JLD atau Team Quest untuk kelulusan

SUMBANGAN KEBAJIKAN

S: Saya menjadi sukarelawan untuk beberapa organisasi. Bolehkan saya meminta DaVita untuk membuat sumbangan?

J: Ya. DaVita boleh membuat sumbangan kebajikan, jika ia bukan diberikan untuk mendorong atau mendapatkan rujukan pesakit atau mendapatkan kelebihan perniagaan yang tidak adil. Kamu harus mendapatkan kelulusan yang sepatutnya menurut polisi tempatan.

S: Bolehkah kemudahan saya membuat sumbangan kebajikan kepada organisasi kebajikan atau acara yang ditaja atau dianjurkan oleh sumber rujukan?

J: Bergantung kepada keadaan. Sebelum kamu membuat sebarang perjanjian, kamu harus mendapatkan kebenaran yang sepatutnya menurut polisi tempatan..

Sumber untuk Menyokong Pemilihan Yang Betul

HOTLINE PEMATUHAN

Hotline Pematuhan tersedia 24 jam sehari, 365 hari setahun. Jika dibenarkan oleh undang-undang tempatan, pemanggil Hotline boleh tetap tanpa nama dan mereka yang memilih untuk memberikan nama mereka akan dilindungi identiti mereka ke tahap yang sebaik mungkin mengikut undang-undang. Sebuah syarikat luar menerima laporan Hotline Pematuhan dan akan membantu kamu membuat laporan kamu. DaVita melarang ancaman balas dan gangguan terhadap mana-mana teammates yang mendapatkan bantuan atau membuat laporan dengan niat baik.

- Amerika Syarikat: Dail 1-888-458-5848 atau layari DaVitaCompliancehotline.com
- Luar Amerika Syarikat: Layari http://www.davita.com/compliancehotline untuk mencari nombor telefon atau laman web untuk negara kamu

SOALAN PEMATUHAN UMUM

Kamu mempunyai soalan Pematuhan yang memerlukan jawapan? Perlukan bantuan memahami polisi tertentu?

- Amerika Syarikat: Dail 1-855-687-9645 atau e-mel: Questionline@DaVita.com
- Luar Amerika Syarikat: Hubungi Ketua Pematuhan Serantau kamu

PEJABAT PRIVASI

Kamu mempunyai soalan atau kemusykilan privasi atau keselamatan? Tambahan kepada Hotline Pematuhan, kamu juga boleh menghubungi pejabat Privasi.

- Amerika Syarikat: 1-855-472-9822
- Luar Amerika Syarikat: Hubungi ahli JLD

PUSAT SUMBER PERKHIDMATAN PENDUDUK

- Nombor telefon A.S.: 1-800-381-7063
- Luar dari A.S.: Hubungi Pengarah atau Pengurus Pusat Sumber Manusia

Daftar kata istilah dan singkatan

D-COMM	Pasukan Komunikasi Korporat DaVit
G-Force	Pasukan Polisi Awam A.S. DaVita
JLD (Justice League of DaVita)	Liga Keadilan DaVita atau Jabatan Guaman JLD
Perkhidmatan Penduduk	Sumber Manusia
Teammates	Teammates perniagaan penjagaan buah pinggang DaVita
Team Quest	Pasukan Pematuhan Korporat

PEJABAT KORPORAT
DaVita HealthCare Partners Inc.
2000 16th Street
Denver, CO 80202

© 2013 DaVita HealthCare Partners Inc. emua Hak Cipta Terpelihara. INCO-09192014-015

COMP-9291 Dipinda September 2011, Julai 2013, Disember 2013, Oktober 2014, Oktober 2016

DAVITA.COM

DaVita®
bringing quality to life™